

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta
**MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN** menyatakan :-

- (a) kaedah dan tindakan Kerajaan mengatasi masalah kenaikan barang walaupun harga minyak dipasaran telah turun; dan
- (b) senarai kedai dan pasaraya yang menawarkan harga patut dan kedai contoh dalam menurunkan harga barang di Kota Samarahan.

JAWAPAN:

- (a) Sebagai Kerajaan yang prihatin dan serius dalam memastikan para peniaga dapat membuat pelarasan semula terhadap harga barangan keperluan asas iaitu dengan menurunkan harga barangan susulan daripada penurunan harga pasaran minyak. Para peniaga sentiasa mengaitkan kenaikan harga minyak petroleum sebagai faktor utama berlakunya kenaikan kos perniagaan yang secara langsung menyebabkan peningkatan terhadap harga barangan. Walau bagaimanapun para peniaga keberatan untuk menurunkan harga barangan walaupun penurunan harga minyak beberapa kali. Kerajaan peka dan melihat keadaan ini memberi kesan terhadap kos sara hidup yang terpaksa dihadapi oleh rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah dan terus memberi fokus dalam usaha untuk menangani isu-isu kos sara hidup dan harga barang secara bersepadu serta berterusan.

Seterusnya sesi *engagement* YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dengan pemborong, peruncit, pengilang, pembekal dan persatuan telah diadakan pada 10 Februari 2015. Sesi *engagement* yang diadakan ini telah menampakkan hasil yang positif di mana pihak-pihak yang terlibat bersetuju untuk menurunkan harga selaras dengan kos operasinya yang telah berkurangan berikutan penurunan harga minyak. Perjumpaan ini adalah amat penting dan adalah sejajar dengan

matlamat Kerajaan untuk memastikan pihak-pihak peniaga yang terlibat sama-sama memikul tanggungjawab membantu Kerajaan meringankan beban rakyat.

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan merupakan satu kaedah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi semasa musim perayaan. Skim Kawalan Harga Musim Perayaan telah dilaksanakan semasa Tahun Baharu Cina, Hari Gawai, Pesta Kaamatan, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas. Semasa skim ini berkuatkuasa, peniaga dikehendaki menjual barang harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang ditentukan Kerajaan. Kegagalan berbuat demikian boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi perayaan utama negara pada masa akan datang bagi menjaga kepentingan rakyat.

Pada tahun ini, Kempen Penurunan Harga 2015 telah dilancarkan pada 1 Mac 2015 dan dilaksanakan secara serentak di seluruh negara dengan penglibatan sebanyak 16 buah syarikat. Tempoh bagi kempen ini adalah antara satu (1) hingga empat (4) bulan bermula dari tempoh pelaksanaannya iaitu pada 1 Mac 2015. Sebanyak 1,036 cawangan pasaraya besar, pasaraya dan mini market di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak turut mengambil bahagian dalam Kempen ini dengan penawaran diskaun sehingga 70% untuk 82,582 produk. Pelancaran Kempen Penurunan Harga peringkat kebangsaan telah diadakan di pasaraya The Store, Kuantan Parade, Pahang dan disempurnakan oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Manakala di peringkat negeri, Kempen Penurunan Harga dirasmikan oleh pemimpin-pemimpin tempatan.

Sebenarnya program “Kempen Penurunan Harga” telah dilaksanakan sejak tahun 2008 hingga kini yang mana Kempen Penurunan Harga (KPH) ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dengan kerjasama industri peruncitan bagi menawarkan barangan kegunaan harian, terutamanya barang keperluan pada harga yang berpatutan. Penyertaan kempen ini adalah secara sukarela dengan peratusan penurunan harga antara 10 hingga 70 peratus. Tempoh masa minima penurunan harga ialah selama 30 hari.

Dari aspek penguatkuasaan dan perundangan, Kementerian akan terus melaksanakan **pemeriksaan dan pemantauan yang rapi dan menyeluruh** ke atas semua barangan melalui **OPS CATUT** yang telah berkuatkuasa pada 15 Januari 2015. Sepanjang pelaksanaan **OPS CATUT** sehingga 4 Mac 2015, sebanyak 397,532 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara dan dari jumlah ini, sebanyak 2,084 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak RM 411,584.50 dan nilai kompaun sebanyak RM 260,516.70. Daripada jumlah keseluruhan kes tersebut sebanyak 1,292 kes di bawah kesalahan tidak meletakkan tanda harga atau senarai harga bagi barangan yang dijual, 53 kes di bawah kesalahan gagal menggunakan tanda khas (merah jambu), 703 kes di bawah kesalahan gagal menentusah alat timbang dan sukat yang digunakan untuk perniagaan, 4 kes di bawah kesalahan menjual melebihi harga maksimum, 15 kes di bawah kesalahan Akta Perihal Dagangan 2011 dan 17 kes di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Peniaga runcit juga **diwajibkan meletakkan tanda harga di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993**. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 3,862 tindakan undang-undang telah dikenakan ke atas peniaga yang ingkar. Dengan ini, pengguna boleh membuat perbandingan harga bagi memilih barangan yang dijual pada harga yang berpatutan.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan Anugerah Kedai Harga Patut (AKHP) ialah untuk mengiktiraf premis perniagaan yang menawarkan barangan pada harga yang berpatutan, kompetitif dan berkualiti kepada pengguna. Harga patut tidak semestinya membawa makna harga termurah tetapi merujuk kepada harga yang munasabah mengikut harga pasaran atau lebih murah dari harga pasaran atau tidak mempunyai jurang yang terlalu besar dengan harga pasaran.

Khusus untuk negeri Sarawak, sebanyak 28 buah premis telah diiktiraf dan dianugerahkan sebagai Kedai Harga Patut pada 2014. Daripada jumlah itu, satu daripadanya terletak dalam kawasan Samarahan iaitu ELLI SUPERMARKET beralamat di Lock Up Shop No. 7, Premis Majlis Daerah Samarahan, Kota Samarahan, Sarawak. Manakala secara keseluruhannya sebanyak 694 premis diseluruh negara telah dianugerahkan sebagai AKHP 2014. Semua senarai penerima ini boleh dilayari di portal www.1pengguna.com dan juga melalui direktori Penerima Anugerah Kedai Harga Patut 2014 yang disediakan oleh Kementerian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]

SOALAN :-

Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status pelaksanaan pembinaan balai bomba Asajaya

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) telah memohon projek Balai Bomba dan Penyelamat Asajaya untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11) dengan kos projek sebanyak RM5.5 juta. Sekiranya permohonan tersebut diluluskan, pembinaan balai bomba Asajaya akan dimulakan pada tahun 2016.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015